



Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
(Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 3, Blok E
Kompleks Pejabat Kerajaan
Pusat Pentadbiran Kerajaan
62604 PETRAJAYA

*KU Perhubungan
Unit prasekolah.*

Tel : 03-8884 6149
Faks : 03-8884 6146



KP(BPSH-SPDK)201/005/02 Jld.3 (41)
31 Januari 2012

Semua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
BILANGAN 2 TAHUN 2012
PENERIMAAN MASUK MURID PRASEKOLAH KEMENTERIAN
MALAYSIA (KPM)**



Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa peluasan penyertaan pendidikan prasekolah bagi kanak-kanak berumur lima (5) dan enam (6) tahun merupakan inisiatif sub-NKRA Pendidikan di bawah Program Transformasi Kerajaan yang bertujuan untuk meningkatkan lagi aksesibiliti kanak-kanak ke prasekolah di negara ini walau di mana pun mereka berada. Namun demikian, kemudahan pendidikan prasekolah yang disediakan oleh KPM buat masa ini masih lagi di peringkat peluasan dengan jumlah yang agak terhad dan diberi bantuan secara percuma.

3. Kemudahan pendidikan prasekolah di sekolah / institusi pendidikan di bawah KPM adalah untuk menyediakan peluang pendidikan prasekolah kepada kanak-kanak daripada golongan ibu bapa / penjaga yang kurang berkemampuan. Walau bagaimanapun, terdapat kekeliruan mengenai status kewarganegaraan dan syarat penerimaan masuk kanak-kanak ke prasekolah KPM. Sehubungan itu, adalah ditegaskan bahawa penerimaan masuk kanak-kanak ke prasekolah di bawah KPM, hanya dibenarkan kepada anak-anak warganegara Malaysia sahaja. Bersama-sama ini disertakan syarat-syarat kemasukan murid prasekolah KPM seperti dalam Lampiran A untuk panduan semua pihak.

4. Pihak Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan dipohon memaklumkan kandungan Surat Siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan semua Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan.

Sekian, Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

DATO' Dr KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
Kementerian Pelajaran Malaysia

*F21
14/3*

**KEMASUKAN MURID KE PRASEKOLAH
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

<u>Bil.</u>	<u>Perkara</u>	<u>Tindakan</u>
1.	Pengiklanan Kemasukan Prasekolah	Surat makluman dan kain rentang (sepanjang tahun) i) Tarikh, masa dan kandungan hendaklah sama walaupun dikeluarkan oleh agensi yang berlainan. ii) Sebagai permulaan, cadangan iklan akan dibuat bermula pada bulan Jun hingga Ogos 2011.
2.	Pendaftaran Murid Prasekolah	Mengikut proses pendaftaran kemasukan murid Tahun 1 Sekolah Rendah KPM. i) Penggunaan e-Daftar / SMPK. ii) Daftar kelahiran di Jabatan Pendaftaran Negara perlu dijadikan rujukan bagi tujuan pengesanan.
3.	Urusan Kemasukan Murid Prasekolah	
	a) Pengiklanan	i) Persekitaran premis. ii) Tempat awam yang strategik (kelulusan pihak berkuasa tempatan / Majlis Daerah).
	b) Pendaftaran	i) Pendaftaran setahun lebih awal. ii) Pendaftaran di premis berkenaan jika tidak dapat dibuat melalui sistem (memastikan semua maklumat murid dapat dimuatkan di dalam sistem).
	c) Pemilihan	i) Pemilihan dibuat oleh Jawatankuasa Pemilihan Prasekolah yang diwujudkan di bawah pentadbiran prasekolah masing-masing. Bagi KPM, jawatankuasa berkenaan dianggotai oleh Guru Besar, Penolong Kanan, Guru Prasekolah, Guru Tahap I & II, Pembantu Pengurusan Murid dan seorang wakil komuniti. ii) Semua keputusan pemilihan yang telah dibuat hendaklah dibawa ke peringkat pegawai di Pejabat Pelajaran Daerah (PPD)/JPN masing-masing untuk diperaku

sebelum surat kelulusan dikeluarkan.

4.

Syarat Kemasukan Murid Prasekolah

Surat Pekeliling atau Surat Siaran yang dikeluarkan oleh semua agensi pelaksana prasekolah hendaklah berasaskan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).

a) Taraf Kewarganegaraan

i) Penerimaan masuk murid ke prasekolah KPM adalah hanya warganegara Malaysia sahaja.

b) Umur

i) Kanak-kanak yang mencapai umur empat (4) tahun pada hari pertama bulan Januari pada tahun persekolahan semasa. Walau bagaimanapun kanak-kanak yang tidak genap umur pada tarikh tersebut juga boleh diterima tetapi hanya untuk mereka yang lahir selewat-lewatnya pada 15 Januari (contohnya : bagi kemasukan tahun 2011- murid lahir pada atau sebelum 15 Januari 2007).

ii) Asas pengiraan umur hendaklah dikira dari 1 Januari tahun persekolahan semasa.

iii) Keutamaan kemasukan kanak-kanak ke kelas prasekolah ialah kanak-kanak yang berumur 5-6. Sekiranya masih terdapat kekosongan tempat, kanak-kanak berumur 4-5 tahun boleh diberi peluang berdasarkan permohonan dan merit.

Catatan:

Dalam isu ini, Seksyen 2 Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) tafsiran kepada "pendidikan prasekolah" 'ertinya program pendidikan bagi murid yang berumur dari empat hingga enam tahun' hendaklah dijadikan rujukan.

5.

Pendapatan Keluarga

Keutamaan kepada ibu-bapa/ penjaga berdasarkan pemeringkatan (ranking) dari pendapatan rendah kepada pendapatan tinggi dalam senarai permohonan yang diterima.